


WEBINAR PERMODELAN KUALITI AIR

Prepared by Mohamed Syarwan Osman

Selaras dengan perkembangan mutakhir global berkaitan Revolusi perindustrian 4.0 (IR4.0), pendedahan seperti ini harus dibudayakan dari peringkat universiti. Salah satu bidang tujuh dalam 9 tiang IR4.0 adalah simulasi. Di dalam bidang alam sekitar dan kejuruteraan alam sekitar, pemodelan dan simulasi adalah satu skil yang amat diperlukan sekarang dan masa depan kerana ia dapat membantu pengurus membuat keputusan berdasarkan data tanpa perlu berbelanja kos yang besar dalam membeli bahan dan alat untuk melaksanakan eksperimen.

Justeru, walaupun dalam musim perintah kawalan pergerakan (MCO) Fakulti kejuruteraan Kimia telah menjemput seorang pakar dalam pemodelan kualiti air iaitu Ir Dr Zaki Zainuddin (Pengarah Urusan In Perspective Sdn. Bhd) pada 24 April lalu untuk berkongsi kepada pelajar-pelajar khususnya yang mengambil subjek CEV641 (Environmental Impact Assessment) berkaitan pengenalan pemodelan kualiti air di industri.



Beliau telah berkongsi kenapa pemodelan kualiti air ini penting dalam mejangka kadar luahan pencemaran sungai dan had nya. Beliau turut menekankan ilmu apa yang perlu dikuasai pelajar untuk membuat pemodelan kualiti air sepertiimbangan jisim, mekanik bendalir dan kimia asas. Perkongsian secara maya ini turut dihadiri 111 orang pelajar yang bertubi-tubi bertanyakan soalan kepada Dr Zaki. Beliau turut menyentuh secara asas perisian yang selalu digunakan untuk pemodelan kualiti air seperti QUAL2K dan WASP. Akhir sekali beliau berkongsi bagaimana untuk membina kerjaya dalam bidang pemodelan kualiti air pada masa akan datang. Kesimpulannya, perkongsian ini walaupun dilaksanakan secara maya telah mencapai objektifnya untuk memberi pendedahan peluang dan ruang kerjaya sebagai pakar dalam memodelkan kualiti air.